

PERANAN MAHASISWA DI SEBALIK REFORMASI SOSIAL: SATU PERBANDINGAN ANTARA MALAYSIA DENGAN THAILAND DEKAD 1970-AN

Rabaah Abdullah, Nazirah Lee*

Abstrak

Artikel ini memberi tumpuan kepada peranan mahasiswa di sebalik reformasi sosial di Malaysia dan Thailand dalam era 1970-an. Perjuangan ke arah reformasi sosial yang dimainkan oleh golongan mahasiswa di kedua-dua buah negara ini menunjukkan adanya unsur persamaan terutamanya dari segi latar belakang mahasiswa dan isu yang diperjuangkan. Di Malaysia mahupun Thailand, golongan mahasiswa ini bertindak sebagai suara rakyat yang terlibat secara aktif dalam menyuarakan masalah atau isu yang berkaitan dengan hal-ehwal rakyat terutamanya golongan masyarakat bawahan dari aspek kemajuan sosial kepada pihak kerajaan. Pada era ini status mahasiswa dipandang tinggi oleh masyarakat justeru melalui peranan yang dimainkan, mereka dilihat sebagai kumpulan pendesak yang mewakili rakyat untuk berhadapan dengan kerajaan bagi memastikan usaha pembangunan rakyat itu dapat dicapai. Artikel ini bertujuan membincangkan faktor utama yang mendorong penglibatan mahasiswa dalam memperjuangkan reformasi sosial. Bagi menyempurnakan artikel ini, data-data yang diperolehi dicerap dari sumber primer dan sekunder yang berkaitan. Antaranya, laporan tahunan, Handsard serta akhbar sezaman. Laman sesawang rasmi turut digunakan untuk mendapatkan sumber primer. Sumber sekunder pula diperolehi daripada koleksi Perpustakaan Tuanku Bainun Universiti Pendidikan Sultan Idris dan Perpustakaan Universiti Thammasat Thailand. Ringkasnya, mahasiswa berjaya memberi kesedaran kepada masyarakat berhubung dengan hak dan kepentingan sosial berjaya memberikan impak yang besar kepada reformasi sosial yang melibatkan kepentingan rakyat

Kata kunci: *mahasiswa, gerakan sosial, Malaysia, Thailand*

Abstract

This study examines the role of university students in shaping social reform movements in Malaysia and Thailand during the 1970s. Student movements

* Rabaah Abdullah ialah pelajar sarjana sejarah Fakulti Sains Kemanusiaan, Universiti Pendidikan Sultan Idris (FSK UPSI). Nazirah Lee ialah pensyarah kanan sejarah, FSK, UPSI.

in both countries displayed notable parallels, particularly in their socio-political contexts and the issues they pursued. In each setting, students emerged as prominent voices of the wider populace, articulating concerns over social inequality and the welfare of lower-income groups while pressing state authorities to adopt more inclusive development policies. At a time when university students commanded considerable social respect, their activism positioned them as agents of social change and as pressure groups representing public interests in engagement with government authorities. This article analyses the factors motivating student participation in these reform movements, drawing on primary and secondary sources, including official reports, Hansard records, contemporary newspapers, and archival materials from Malaysia and Thailand. The findings show that student activism played a crucial role in raising social consciousness and stimulating reform, leaving a lasting imprint on the social and political development of both countries.

Keywords: *university students, social movements, Malaysia, Thailand*

Pengenalan

Gerakan pelajar yang berlaku pada tahun 1970-an mempunyai kepentingan tersendiri dalam perkembangan sejarah di Asia Tenggara. Ia adalah manifestasi kepada kesedaran dan sensitiviti pelajar kepada isu yang berlaku dalam masyarakat. Mereka memperjuangkan keadilan bagi mengatasi kepincangan yang berlaku dalam masyarakat ketika itu. Dalam kalangan mahasiswa di Malaysia, tahun 1970-an adalah zaman kemuncak perjuangan mereka dalam hal ehwal masyarakat khususnya dalam isu yang berkaitan dengan kemiskinan dan ketidakadilan sosial kepada golongan miskin. Sebagaimana di Malaysia, di Thailand pada tahun 1970-an mahasiswa juga dilihat sebagai ‘pressure group’ terhadap keputusan dan tindakan yang diambil dan dilaksanakan oleh kerajaan terutamanya apabila ia tidak mementingkan keutamaan rakyat. Ia ditandai dengan tindakan-tindakan yang bersifat ekstrim dalam memperjuangkan hak dan kepentingan mahasiswa, masyarakat dan negara, khususnya yang menyentuh aspek sosial. Tujuan utamanya adalah untuk mendapatkan perhatian dan tindakan yang sewajarnya dari pihak berkuasa terhadap rungutan dan apa yang disuarakan oleh masyarakat. Malah mereka menganggap ini merupakan satu usaha untuk membuktikan kepada masyarakat kelayakan dan keupayaan mahasiswa sebagai pemimpin massa.

Latar Belakang

Di dalam sejarah Amerika, gerakan pelajar bermula pada abad ke-18 apabila mereka mempersoalkan pentadbiran British dan kod moral yang diamalkan pada ketika itu. Selanjutnya di Eropah, gerakan pelajar berkembang pada abad ke-19 dan ia berkisar tentang sikap kritikal mereka kepada etika yang digunapakai dalam masyarakat ketika itu.¹ Selanjutnya di pada abad

1 Meredith L. Wiess. 2011. *Student Activism in Malaysia Cricible, Mirror Sideshow*. Itacha: Cornell University. hlm. 4.

ke-20, gerakan pelajar menjadi satu fenomena yang meluas di Asia pada 1970-an di mana pelajar di Korea Selatan, Filipina, Thailand, Malaysia dan Indonesia terlibat dalam gerakan protes dan memberontak menentang ketidakadilan yang berlaku dalam masyarakat.² Semua gerakan pelajar ini secara umumnya memperjuangkan kebajikan bagi masyarakat mereka.

Penyebab yang membawa kepada gerakan pelajar berbeza dari satu tempat ke tempat yang lain. Namun, kajian berhubung gerakan mahasiswa sering mengaitkan dengan kepincangan politik. Sehubungan itu, pemberontakan yang didorong oleh masalah ketidakadilan sosial kurang diberikan perhatian. Justeru, perbincangan dalam makalah ini bertujuan menganalisis apakah faktor sosial yang menggerakkan pelajar untuk bertindak menekan kerajaan di Malaysia dan Thailand. Pelbagai usaha yang dilakukan oleh mahasiswa bagi mendesak perubahan sosial yang lebih bermanfaat kepada masyarakat belum diperdalami sepenuhnya dalam kajian sebelum ini. Sehubungan itu, artikel ini bertujuan untuk membincangkan aspek persamaan dan perbezaan di antara mahasiswa di Malaysia dan Thailand. Analisis berhubung kedua-dua aspek berkenaan akan memperlihatkan satu sisi baru dalam sejarah gerakan pelajar di Asia Tenggara, khususnya di Malaysia dan Thailand.

Menurut Alan R. Ball, 'kumpulan pendesak' merupakan agen sosial yang bekerjasama untuk tujuan yang sama yang akhirnya dapat mempengaruhi proses membuat keputusan politik.³ Haynes pula menjelaskan bahawa gerakan sosial merupakan pelaku yang secara budaya terlibat dalam konflik sosial atau politik, bertujuan untuk mewujudkan hubungan sosial yang rasional.⁴ Oleh itu, gerakan sosial ini lazimnya dianggap sebagai anti kerajaan. Sehubungan itu, gerakan pelajar yang tercetus di Malaysia dan Thailand dalam tempoh kajian ini boleh dianggap sebagai gerakan sosial yang berjuang demi bangsa atau negara mereka.

Dalam sejarah Malaysia, gerakan pelajar memainkan peranan penting dalam masyarakat. Menyorot kepada sejarah masyarakat Muslim, golongan pelajar yang pulang daripada Mekah pada abad ke-18 dan awal abad ke-19 sebagai contohnya membawa fahaman baru berhubung agama Islam.⁵ Seterusnya pada penghujung abad ke-19 dan awal abad ke-20 golongan pelajar yang menuntut ilmu di Mesir memperkenalkan pemikiran baru dalam masyarakat yang berkait dengan fahaman *tajdid* dan *Islah*.⁶ Kritikan kepada masyarakat yang disalurkan melalui media memperlihatkan bahawa golongan yang terpelajar ketika itu memberikan perhatian kepada usaha untuk memperbaiki masyarakat dan mendorong mereka ke arah yang lebih baik. Seterusnya peranan tersebut semakin menyerlah selepas perkembangan akhbar melalui kumpulan yang dikenali sebagai Kaum Muda.⁷ Golongan ini membawa fahaman baharu berhubung interpretasi dan praktis dalam agama Islam yang seterusnya mengubah pemikiran masyarakat pada abad ke-20.

Peranan mereka kemudiannya semakin besar melalui gerakan kesedaran dan seruan untuk masyarakat Melayu mencapai kemajuan dan memperbaiki keadaan ekonomi mereka. Gerakan kesedaran juga dicetuskan oleh para pelajar, guru dan kakitangan Melayu yang

-
- 2 Denis Freney 1973 Disember 11, Asian student upsurge worries dictators. *Tribune*. hlm. 9 <https://trove.nla.gov.au/newspaper/article/236854930?searchTerm=student%20protest%20strike%20%20malaysia>.
 - 3 Ball, R. Alan. 1993. *Politik Dan Kerajaan Moden*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka. hlm. 5.
 - 4 Haynes, Jeffrey. 2001. *Democracy And Political Change In the "Third World"*. London: Routledge. hlm. 23.
 - 5 Syed Naquib Al-Attas. 1963. *Some Aspects of sufism as understood and practices among Malays*. Singapura: Malayan Sociological Research Institute.
 - 6 Mohamed Redzuan Othman. 2004.
 - 7 W.R.Roff. 2003. *Nasionalisme Melayu*. Ahmad Boestamam (terj). Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.

menuntut di Sultan Idris Training College (SITC) di Tanjong Malim. Mereka menggunakan pelbagai medium khususnya melalui penulisan di akhbar dan juga hasil kesusasteraan untuk menyebarkan pemikiran baharu yang bertujuan untuk menjana perubahan sosial yang bermanfaat kepada bangsa Melayu yang ketinggalan ketika itu. Ringkasnya pada awal abad ke-20, penyebaran pemikiran tersebut dilakukan melalui akhbar yang berperanan sebagai media utama ketika itu.⁸ Kajian berhubung perbincangan dan perdebatan di akhbar memperlihatkan bahawa golongan ini mengkritik agamawan, pemerintah dan golongan pentadbir yang dianggap gagal memainkan peranan mereka untuk memastikan kebajikan masyarakat Melayu di Tanah Melayu.⁹ Jelasnya, sebelum penubuhan universiti, golongan terpelajar memainkan peranan penting dalam membawa pemikiran baharu yang menyedarkan masyarakat.

Medium yang sama turut digunakan oleh mahasiswa di Thailand untuk menyuarakan kritikan terhadap kerajaan iaitu melalui *Bangkok Post* dan *The Nation* dengan menyasarkannya kepada golongan rakyat Thailand yang tahu membaca Bahasa Inggeris terutamanya golongan elit atau kelas atasan yang berpendidikan Inggeris. *Bangkok Post* terkenal sebagai sebuah akhbar yang menyediakan liputan mengenai topik-topik kontroversi manakala *The Nation* pula dilihat sebagai akhbar yang bersifat nasionalis dan memihak kepada istana dan kerajaan. Permasalahan dalaman negara seperti krisis ekonomi, kegiatan rasuah dalam kalangan pegawai kerajaan serta ketidakadilan sosial banyak memberi tekanan kepada golongan masyarakat bawahan khususnya di kawasan pedalaman, dan mereka ini jauh terpisah dari badan-badan yang boleh mewakili kepentingan mereka. Kesempatan ini telah digunakan sebaik-baiknya oleh mahasiswa dengan menjadikan media massa sebagai saluran untuk menyuarakan permasalahan rakyat. Oleh yang demikian, apabila terdapat sesuatu isu yang diutarakan oleh gerakan mahasiswa dan disiarkan dalam akhbar tersebut ia dapat menarik perhatian khususnya golongan elit dan istana terhadap isu yang diutarakan.¹⁰

Sulak Sivaraksa seorang pengkritik sosial menyatakan pada awal 1960-an mahasiswa- universiti di Thailand aktif menerbitkan hasil penulisan mereka yang mengkritik pihak berkuasa. Sementara ahli akademik muda Thailand pula menganalisis politik ekonomi Thailand dengan memberi tumpuan kepada isu kemiskinan dan eksploitasi kaum tani, buruh dan ketidakadilan sosial yang lain.¹¹ Manakala tahun 1970-an, golongan mahasiswa mula menterjemah tulisan-tulisan dari golongan kiri atau komunis yang didapati dari Eropah dan Amerika Syarikat. Walaupun begitu mereka lebih terpengaruh dengan tulisan-tulisan dari pemikir aliran Marxist atau 'Thai Marxist' antaranya seperti Gularp Saipradit, Supa Sirimanont, Pluang Wannasiri, Isara Amantasul, Asani Ponlajan, Seni Saowapong dan Jit Phumisak. Sebahagian besar hasil tulisan mereka telah diterbitkan semula dan diedarkan secara meluas.¹²

Institusi pengajian tinggi turut memainkan peranan dalam mencetuskan kesedaran sosial dan politik dalam kalangan mahasiswa. Sama ada di Malaysia mahupun Thailand

8 A.M. Iskandar. 1973. *Persuratkhabaran Melayu 1876-1968*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

9 Fred R Von der Mehden. 1993. *Two World of Islam: Interaction between Southeast Asia and the Middle East*. Florida: Florida University Press.

10 Ross Prizia dan Narong Sinsawasdi. 1974. *Thailand: student activism and political change*. Bangkok: Bangkok Allied Printers. hlm. 14.

11 Chris Baker dan Pasuk Phongpaichit. 2005. *A History of Thailand*. New York: Cambridge University Press. hlm. 185.

12 Yuanrat (Pattanapongse) Wedel. 1982. *Modern Thai radical thought: the Siamization of Marxism and its theoretical problems*. Bangkok: Thai Khadi Research Institute. Thammasat University. hlm. 96-102.

golongan mahasiswa memainkan peranan utama dalam memperjuangkan kebajikan masyarakat. Ini dilihat kepada perkembangan yang berlaku di *Sultan Idris Training College* (SITC), Tanjong Malim. Dalam sejarah politiknya pula, golongan pelajar Melayu yang mendapat pendidikan di SITC menjadi tunjang kepada kesedaran politik melalui gerakan nasionalisme.¹³ SITC juga melahirkan tokoh nasionalis yang memainkan peranan penting dalam perkembangan politik di Tanah Melayu seperti Harun Aminurrashid dan Ahmad Boestamam.¹⁴ Peranan mereka yang besar dalam gerakan kesedaran Melayu adalah sukar untuk disangkal.

Selepas kemerdekaan, gerakan pelajar lebih dikenali sebagai gerakan mahasiswa. Ia merujuk kepada gerakan yang berlaku di Universiti Malaya (UM) sebagai universiti yang terawal ditubuhkan di Malaysia. Pada 1960-an, gerakan pelajar adalah tertumpu kepada isu yang berlaku dalam masyarakat dan usaha mereka untuk menjaga imej mereka sebagai mahasiswa. Perkembangan di peringkat serantau pada 1970-an juga mempengaruhi. Kajian berhubung kebebasan berfikir dalam kalangan mahasiswa menyatakan bahawa mahasiswa adalah golongan muda yang mempunyai semangat yang tinggi, mudah terpengaruh dan kurang pengalaman. Sehubungan itu mereka terdorong untuk bertindak diluar daripada kebiasaan. Mahasiswa pada 1970-an terdorong untuk bertindak secara agak agresif kerana faktor sosioekonomi, dakwah, politik dan juga pelaksanaan Akta Universiti dan Kolej Universiti (AUKU).¹⁵

Penubuhan universiti di Malaysia antaranya Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) 1970, Universiti Sains Malaysia (USM) 1969, Universiti Teknologi MARA (UiTM) 1956 dan Universiti Putra Malaysia (UPM)¹⁶ 1971, menyebabkan ramai anak Melayu mula melanjutkan pelajaran mereka di peringkat universiti dan berhijrah daripada kampung halaman ke bandar.¹⁷ Persatuan pelajar mula menjadi dominan di dalam masyarakat kerana imej golongan politik ketika itu merudum. Tambahan pula, ketiadaan parti pembangkang yang mengkritik pemerintah kerana Parti Islam Semalaysia (PAS) telah mula menyertai Barisan Nasional.¹⁸ Justeru, kebanyakan daripada ahli politik mempunyai pegangan yang sama dan masyarakat awam mula mengalih pandangan mereka kepada golongan pelajar.¹⁹ Pelajar mula muncul sebagai *pressure group* kepada kerajaan dan ini menyebabkan peranan mereka lebih dominan dalam masyarakat. Peningkatan jumlah yang drastik ini didorong oleh polisi kerajaan yang baharu diperkenalkan ketika itu, Dasar Ekonomi Baru (DEB).

-
- 13 Adnan Nawang. 2007. *Za'ba dan Melayu*. Tanjong Malim: Penerbit Universiti Pendidikan Sultan Idris.
 - 14 Md. Atan bin Bulat. 1957. Peranan Guru2 Melayu dalam perjuangan Menchipta kemerdekaan Tanah Ayer. Dlm. *Bingkisan Merdeka Kesatuan Guru-guru Melayu* Selangor. 1957. Hlm. 33; lihat juga Hashim Ismail. 2007. Sejarah Penulisan Novel di Malaysia: Isu dan Cabaran. *Jurnal Pengajian Melayu*, 18, hlm. 25-40.
 - 15 Mohamad Faisal Ashaari, Mohamad Hasan Sharafi & Che Mohad Adli. 2019. Kecenderungan Kebebasan Berfikir Mahasiswa Melayu Muslim Malaysia dekad 1970-an. *International Journal of Islamic Thought*. 15, 93-106.
 - 16 Nama asalnya adalah Universiti Pertanian Malaysia.
 - 17 Penghijrahan berlaku dalam skala yang amat besar semasa pengenalan DEB. Lihat Ahmad Idris. 1988. *Dasar Ekonomi Baru*. Petaling Jaya. IBS Buku Sdn. Bhd. hlm 101; UKM dan USM serta ITM menambahkan jumlah pengambilan pelajar menjelang 1975. Ia bertujuan untuk mengisi kekosongan yang diperlukan dalam usaha untuk membangunkan sektor sosial dan ekonomi negara. Lihat, Unit Perancangan Ekonomi Jabatan Perdana Menteri. 1970. *Rancangan Malaysia Kedua*, Bab XIV. <https://www.epu.gov.my/sites/default/files/2020-03/rancangan%20malaysia%20kedua%20-%20chapter%2014.pdf>.
 - 18 Farish Noor. 2014. *The Malaysian Islamic Party PAS 1951-2013: Islamism in a Mottled Nation*. Amsterdam: Amsterdam University Press.
 - 19 Hasan Karim. The Student Movement in Malaysia. Dlm Hasan Karim & Siti Nor Hamid *With the people The Malaysian student Movement 1967-1974*. Malaysia: Intitut Analisa Sosial Malaysia.

Manakala di Thailand, pendidikan barat yang bermula pada zaman Raja Mongkut (1851-1868) dan diteruskan pada zaman Raja Chulalongkorn (1868-1910) memperlihatkan bahawa kerajaan Thai memberi penekanan kepada pendidikan beraliran inggeris. Penubuhan Universiti Chulalongkorn pada 1917 misalnya memberikan satu persepsi baru dalam kalangan masyarakat pada ketika itu. Universiti ini dilihat sebagai tempat tersebarnya pemikiran dan idea-idea dari barat, melalui pendedahan ini menyebabkan kemajuan politik, ekonomi dan sosial meningkat. Ia juga dianggap memenuhi hak dan kualiti dalam pendidikan serta meningkatkan peluang masyarakat untuk berkhidmat dalam sektor perkhidmatan awam.²⁰

Selepas revolusi Thai 1932, bidang pendidikan semakin berkembang maju, beberapa buah universiti yang menawarkan pelbagai bidang pengajian mula ditubuhkan antaranya Universiti Moral dan Sains Politik (1933), Universiti Thammasat (1934), Universiti Kasetsart (1943), Universiti Silpakorn (1943) dan Universiti Selatan (1967). Dengan penubuhan universiti tempatan ini idea-idea berkenaan liberalism, demokrasi, sosialism dan Marxism tersebar luas dalam kalangan mahasiswa. Bidang kajian yang diikuti oleh mahasiswa di universiti tempatan ini juga turut mempengaruhi gerakan mahasiswa dalam reformasi sosial.²¹ Misalnya di Universiti Thammasat dan Universiti Chulalongkorn, mahasiswa jurusan sains sosial, ekonomi, politik dan undang-undang berpeluang untuk mempelajari sistem politik negara luar, hak asasi manusia, hubungan sosial dan konsep demokrasi dengan lebih jelas.

Bangkok merupakan pusat kepada Institut pengajian tinggi awam, kolej kerajaan dan kolej swasta, ia memberi peluang kepada para mahasiswa untuk mendapatkan informasi dengan mudah. Lantaran itu, Universiti Thammasat dan Universiti Chulalongkorn juga berperanan sebagai pusat gerakan mahasiswa sejak 1960-an. Lokasi Universiti Thammasat misalnya hampir dengan *Grand Palace*, di hadapan universiti ini terdapat sebuah padang besar yang dikenali sebagai *Pramain Ground* atau *Sanam Luang* yang juga berhampiran dengan jalan Rajdamnern Avenue dan Bangunan Parlimen. Kawasan sekitarnya juga merupakan kawasan lalu-lintas yang sentiasa sibuk serta menjadi tumpuan rakyat dengan pelbagai aktiviti perniagaan dan sebagainya. Sudah pasti tindakan-tindakan protes yang dilakukan oleh mahasiswa di kawasan ini dapat menarik perhatian pihak istana, kerajaan dan juga rakyat terhadap isu yang disuarakan oleh golongan mahasiswa khususnya yang berhubung dengan hak rakyat dan mendesak kerajaan untuk mengambil tindakan segera.

Melalui pendidikan dan pendedahan idea demokrasi yang diperolehi di universiti tempatan ini, umumnya golongan mahasiswa terdorong untuk mengubah nasib keluarga sendiri dan masyarakat amnya. Bersesuaian dengan kajian Mole (1973) yang menyebut 'sudah menjadi satu kelaziman di sesebuah negara termasuk Thailand bahawa mereka yang berkelulusan di peringkat yang lebih tinggi sangat berpengaruh dalam apa jua peranan yang mereka mainkan' dan keadaan ini jelas dapat dilihat dalam tindakan-tindakan protes serta demonstrasi yang dilakukan oleh mahasiswa khususnya penghujung 1960-an dan awal 1970-an.²²

20 Laporan dari Jabatan Institut Penyelidikan Universiti Chulalongkorn Thailand. 1977.

21 Jack Quarter. 1972. *The student movement of the sixties*. Ontario Institute for Studies in Education. hlm. 30.

22 Mole. R.L.1973. *Thai values and behavior patterns*. Rutland: Vermont Charles E. Tuttle. hlm. 15.

Penglibatan mahasiswa dalam reformasi sosial

Semua tindakan protes dan demonstrasi yang dilakukan oleh mahasiswa secara terbuka sama ada di Malaysia mahupun di Thailand jelas membuktikan mereka mempunyai keyakinan yang tinggi dan berani bersuara demi menegakkan keadilan untuk mahasiswa dan masyarakat. Terdapat pelbagai isu yang dibangkitkan oleh mahasiswa berhubung dengan hak dan kebajikan masyarakat.

Isu kemiskinan dan jurang ekonomi mula diberi perhatian oleh golongan mahasiswa di Malaysia sejak 1960-an. Pada 1967 sebagai contohnya tercetus isu Telok Gong yang melibatkan konflik di antara golongan setinggan dan kerajaan negeri Selangor.²³ Mahasiswa mula memberi perhatian kepada isu kemiskinan dalam kalangan masyarakat apabila melihat sendiri golongan setinggan kehilangan rumah dan kebun mereka selepas ia dirobohkan oleh pihak berkuasa. Pada tahun 1967, isu yang hampir sama juga berlaku di Thailand. Mahasiswa melakukan kritikan berhubung dengan isu kawasan setinggan Klong Toey Slum. Penentangan ini berkenaan dengan projek kerajaan yang ingin menubuhkan *Port Authority of Thailand* (PAT) dengan memusnahkan sekurang-kurangnya 1,200 buah rumah rakyat di kawasan yang terlibat. Kritikan dan pendedahan dari mahasiswa mendapat perhatian dari UNICEF yang kemudiannya memberikan dana pembangunan kawasan terbabit selama satu tahun. Sumbangan juga diterima dari agensi dalam negara antaranya Rotary Club of Dusit, Lions Club of Bangkok, Junior Chamber of Phrayathai dan The Foundation for Promotion of Cleanliness and Health of School Children.²⁴

Terdapat pelbagai usaha dan kerjasama antara universiti dan mahasiswa bagi memupuk kesedaran dan tanggungjawab sosial dalam kalangan mahasiswa. *Foundation for Thailand Rural Reconstruction Movement* (TRRM) yang diasaskan oleh Dr. Puey Ungpakorn pada 1969 dan Raja Bhumiphol Adulyadej sebagai penaungnya memberi peluang kepada ahli akademik dan mahasiswa dari Universiti Thammasat dan Universiti Mahidol mengaplikasi dan merealisasikan pengetahuan mereka ke dunia sebenar dalam kerja-kerja pembangunan luar bandar. Falsafah TRRM adalah seperti berikut:

- i. Memberi tumpuan kepada cara yang boleh digunakan oleh masyarakat luar bandar untuk memperolehi sumber pendapatan.
- ii. Memberi tumpuan kepada bidang pendidikan dan kesihatan kepada masyarakat luar bandar agar mereka dapat menguruskan hal-hal yang berkaitan dengannya.
- iii. Memberi panduan kepada masyarakat bagaimana hendak membasmi penindasan.²⁵

Prinsip ini jelas menunjukkan wujudnya satu usaha kerjasama antara golongan intelektual dengan masyarakat luar bandar dalam usaha untuk membantu mereka menggunakan kemahiran dan bahan sedia ada bagi meningkatkan taraf hidup dan ekonomi masing-masing.

23 Hasan Karim. The Student Movement in Malaysia. Dlm Hasan Karim & Siti Nor Hamid *With the people The Malaysian student Movement 1967-1974*. 1-

24 Shinichi Shigetomi, Kasian Tejapira, Apicart Thongyou (pnytg). 2004. *The NGO way: perspectives and experiences from Thailand*. Jepun: Institute of Developing Economies Japan External Trade Organization. hlm. 191.

25 Suthy Prasartset. 1995. 'The rise of NGOs as critical social movement in Thailand' dlm Jaturong Boonyarattanasoontorn dan Gawin Chutima (pnytg). Bangkok: Thai NGO support project (TNSP). hlm. 99.

Selain itu, *Thammasat University Graduate Volunteer Center (TUGVC)* yang juga ditubuhkan oleh Dr. Puey, bertujuan untuk menyediakan peluang kepada lepasan universiti menjadi sukarelawan dalam kerja-kerja kemasyarakatan supaya mereka dapat menimba pengalaman berkaitan masyarakat dan kawasan luar bandar. Sebelum berkhidmat mereka dikehendaki mengikuti kursus sains sosial dan teori pembangunan, psikologi, sosiologi luar bandar dan metodologi penyelidikan sebagai persediaan mental dan fizikal.²⁶

Selain itu, mahasiswa turut mengadakan program pembinaan sekolah untuk kanak-kanak miskin, menyediakan keperluan dan panduan berkenaan kesihatan serta pembinaan perpustakaan. Program ini melibatkan sekurang-kurangnya 200 mahasiswa dari lima universiti utama iaitu Universiti Thammasat, Universiti Ramkhamhaeng, Universiti Srinakharinwirot-Pathumwan, Universiti Silpakorn dan Universiti Kasetsart. Di samping itu program ini juga bertujuan untuk merapatkan jurang antara rakyat dengan golongan mahasiswa dan profesor universiti serta menyediakan peluang kepada mahasiswa untuk belajar berkenaan dengan kerja-kerja sosial dalam dunia yang sebenar.²⁷ Program sebegini mendapat sambutan yang baik dari masyarakat luar bandar.

Di Malaysia usaha mendekatkan mahasiswa dengan masyarakat melalui program universiti lebih ketara pada tahun 1970-an, antaranya melalui Projek Perkhidmatan Masyarakat. Projek ini dijalankan di empat buah kampung di Kelantan dan Terengganu.²⁸ Program sedemikian dianjurkan juga pada 1971 dengan nama “Gerakan Kempen Kesedaran”. Jelasnya, golongan mahasiswa pada ketika itu memberikan perhatian mereka kepada golongan miskin yang dianggap memerlukan pembelaan. Keadaan kemiskinan di Malaysia pada ketika itu adalah sepertimana yang ditunjukkan dalam jadual di bawah;

Jadual 1: Insiden Kemiskinan Mutlak di Malaysia

Tahun/Bangsa	Melayu	Cina	India
1970	64.8	26.0	39.2
1976	46.4	17.4	27.3
1979	49.2	16.5	19.8

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia (2019) *Laporan Survei Pendapatan Isi Rumah dan Kemudahan Asas*. hlm. 251

Jadual di atas memperlihatkan perbezaan ketara di antara kaum di Malaysia dan masyarakat Melayu dilihat menjadi kaum yang mempunyai kadar kemiskinan yang tertinggi berbanding masyarakat Cina dan India. Selain itu, perbezaan kadar kemiskinan di antara penduduk luar bandar dan bandar juga adalah sangat ketara. Ia sebagaimana yang dinyatakan dalam jadual berikut;

-
- 26 Rueng Suksawat. 1995. ‘Behind the Thai NGOs’ dlm Jaturong Boonyarattanasoontorn dan Gawin Chutima (pnytg). Bangkok: Thai NGO Support Project (TNSP). hlm. 54.
- 27 Shinichi Shigetomi, Kasian Tejapira, Apicart Thongyou (pnytg). 2004. *The NGO way: perspectives and experiences from Thailand*. hlm. 191.
- 28 Saifudin Abdullah. 2009.

Jadual 2: Insiden Kemiskinan Mutlak di Malaysia mengikut lokasi

Tahun / Lokasi	Bandar	Luar Bandar
1970	21.3	56.7
1976	15.4	45.7
1979	17.5	45.8

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia (2019) *Laporan Survei Pendapatan Isi Rumah dan Kemudahan Asas*.hlm. 251

Data di atas memperlihatkan bahawa masalah kemiskinan di Malaysia tertumpu di kawasan luar bandar. Sehubungan itu, mahasiswa pada 1970-an menumpukan kegiatan mereka di sana. Terdapat dua insiden yang dianggap besar dalam sejarah gerakan pelajar di Malaysia. Pertamanya adalah insiden di Tasik Utara, Johor Bahru. Ia melibatkan golongan setinggan yang tinggal di kawasan berkenaan kerana tidak mampu untuk menyewa rumah sewa di bandar Johor Bahru ekoran daripada kadar sewa yang tinggi. Sehubungan itu, penduduk setinggan mula mendirikan rumah dan mengusahakan kebun di Tasik Utara. Tindakan mereka tidak mendapat sebarang bantahan daripada pihak berkuasa tempatan. Malahan calon daripada Parti UMNO telah menyatakan bahawa rumah golongan setinggan ini akan dilindungi. Namun begitu keadaan berubah apabila UMNO memenangi pilihanraya yang mana rumah golongan setinggan tersebut telah diberikan notis untuk diruntuhkan. Perkara ini mendapat perhatian UMUSU dan mereka bertindak membela golongan setinggan tersebut. Usaha UMUSU tidak berjaya dan persatuan berkenaan digantung.

Insiden kedua berlaku beberapa bulan selepas itu di Baling Kedah. Ia dirujuk dalam perbincangan di Parlimen sebagai Demonstrasi Kurang Makan dan Anti Inflasi.²⁹ Dalam kejadian berkenaan pelajar daripada Kuala Lumpur telah menyatakan sokongan mereka kepada golongan petani yang mengalami masalah kebuluran di Baling dengan turut serta dalam demonstrasi berkenaan. Demonstrasi di Baling dimulakan oleh 1000 orang petani dan kemudiannya jumlah penunjuk perasaan meningkat kepada 30000 orang apabila kerajaan tidak memberi respon kepada para petani berkenaan. Lokasi demonstrasi telah bertambah dan ia direkodkan di Perak dan Kedah. Antara lokasinya adalah Baling, Sik dan Gurun, di Kedah serta di Selama dan Lenggong di Perak.³⁰ Golongan mahasiswa menganjurkan demonstrasi di Kuala Lumpur, Ipoh serta Pulau Pinang dan jumlah mereka yang terlibat adalah seramai 5000 orang.³¹ Mahasiswa mula terlibat secara langsung dalam demonstrasi ini pada 3- 8 Disember 1974 dan mereka telah mengemukakan tuntutan supaya kerajaan

Menyelesaikan masalah dengan segera
Menaikkan harga getah pada kadar yang berpatutan
Menghukum semua menteri dan ketua menteri yang terlibat dengan rasuah.

Tuntutan mahasiswa tidak mendapat sebarang respon daripada pihak kerajaan dan ini mengecewakan mereka.

29 Penyata Rasmi Parlimen. Dewan Rakyat. (1975 April 1) Parlimen ke-4. Penggal 1. hlm. 3664.

30 *Ibid.*

31 *Ibid.* hlm.1256

Keadaan bertambah buruk bagi penduduk kerana harga getah pada waktu tersebut telah jatuh ke tahap yang sangat rendah. Nilai jualannya tidak membolehkan petani membeli barangan keperluan harian seperti gula dan tepung. Harga makanan meningkat berkali ganda dan daging sebagai contohnya dilaporkan telah mengalami kenaikan harga sebanyak empat kali dalam tempoh daripada Oktober 1974 kepada Januari 1975.³² Dengan itu, mahasiswa merasakan bahawa kerajaan mengabaikan golongan miskin. Tambahan pula, pegawai kerajaan yang ketika itu dilaporkan boros dalam perbelanjaan mereka.³³ Perkembangan tersebut dilihat sebagai salah satu daripada manifestasi ketidakadilan sosial yang berlaku dalam masyarakat dan mahasiswa melihatnya sebagai kepincangan sosial yang serius.

Tuntutan yang dikemukakan semasa peristiwa di Baling memperlihatkan golongan mahasiswa berpandangan golongan pemimpin yang memegang pemerintahan ketika itu sedang mengalami masalah yang besar. Rasuah menyebabkan pemimpin tidak peka kepada masalah yang berlaku dalam kalangan rakyat dan ini menyebabkan mahasiswa mengutarakan cadangan supaya mereka dikenakan tindakan.

Sikap pegawai yang berkhidmat pada waktu itu boleh dikesan melalui perbincangan yang berlaku dalam Dewan Negara pada 1973. Dalam ucapan Tuan Haji Abdullah pada Januari 1973, beliau menyatakan bahawa pegawai muda yang dianggap intelek kerana telah bergelar mahasiswa sebelum itu dituntut supaya membawa perubahan dalam masyarakat. Namun keadaan yang berlaku adalah sebaliknya kerana “ada yang tidak memberi layanan yang wajar” dan berlagak dengan masyarakat awam.³⁴ Golongan ini digambarkan tidak cekap dalam perkhidmatan mereka kepada masyarakat kerana kawasan kampung belum dilengkapi dengan jalan yang elok dan bekalan air paip, elektrik, hatta “kampung di Kuala Lumpur [yang] wayar (sic) letrik lalu atas rumahnya tapi rumahnya gelap”.³⁵ Ia menunjukkan bahawa usaha pegawai kerajaan untuk memperbaiki keadaan dalam masyarakat berada pada tahap yang minimum.

Selain itu, kritikan juga disuarakan kepada pegawai Lembaga Letrik Negara pada waktu itu. Keengganan mereka untuk memasukkan elektrik ke sekolah kerana didakwa tidak menguntungkan telah menyebabkan makmal sains di sekolah tidak boleh berfungsi dan ia menjejaskan usaha kerajaan yang berhasrat supaya lebih ramai mahasiswa menjurus dalam bidang sains dan teknologi.³⁶ Kelemahan pentadbiran sebegini dilihat oleh mahasiswa sebagai satu ketidakadilan kepada golongan bawahan.

Isu rasuah juga merupakan antara isu yang turut mendapat perhatian dan kritikan hebat dari mahasiswa di Thailand. Pada tahun 1969, sekurang-kurangnya 10 orang mahasiswa dari Universiti Chulalongkorn menuntut kerajaan mengambil tindakan ke atas Timbalan Pengarah, Setiausaha Umum dan Dekan Fakulti Arkitektur di atas tuduhan terlibat dengan rasuah. Wakil mahasiswa ini menyatakan sekiranya tiada tindakan diambil ke atas individu-individu yang dinyatakan, mahasiswa akan melakukan kekecohan. Hasil dari tuntutan tersebut Ahli senat universiti memutuskan satu jawatankuasa ditubuhkan untuk menyiasat hal tersebut, jawatan mereka sebagai pentadbir dilucutkan tetapi status sebagai profesor dan jawatan sebagai

32 *Ibid.* hlm. 3665.

33 Penyata Rasmi Parlimen. Dewan Negara. (1973 Febuari 14) Parlimen ke-3. Penggal 2. hlm. 1505-06.

34 *Ibid.* hlm. 1500.

35 *Ibid.* hlm. 1501.

36 *Ibid.* hlm. 1502.

pegawai kerajaan dikekalkan.³⁷ Kes ini jelas menunjukkan kerajaan Thailand pada ketika itu terpaksa akur dengan tuntutan mahasiswa, ini kerana suara mahasiswa adalah suara rakyat dan ia tidak boleh dipandang ringan bagi menjaga kemashalatan semua.

Antara lain, usaha mahasiswa di Malaysia untuk membela golongan petani dan miskin dalam gerakan mereka seringkali menghadapi kegagalan. Sebagai contohnya, dalam usaha mahasiswa mempertahankan hak golongan setinggan di Tasik Utara, persatuan mereka telah digantung dan tidak dibenarkan beraktiviti. Jelasnya, tindakan mereka gagal membawa sebarang perubahan. Selanjutnya dalam insiden berhubung tuntutan mereka kepada pihak kerajaan semasa terjadinya demonstrasi di Baling, tuntutan mahasiswa tidak dihiraukan oleh pihak kerajaan. Perbincangan di Dewan Negara sebagai contohnya, menolak dakwaan para mahasiswa bahawa masyarakat petani di Baling sedang menghadapi masalah kebuluran. Menteri Pelajaran ketika itu Dr Mahathir Mohamad menyatakan bahawa masalah tersebut digembar gemburkan oleh mahasiswa dan kumpulan penyelidik yang terdiri daripada kakitangan akademik daripada UKM mendapati petani yang dilaporkan kebuluran mempunyai “beras yang banyak” dan “kuat [tubuh badannya]”.³⁸ Lantaran itu, tuntutan mahasiswa diabaikan sebagai sesuatu yang tidak berasas.

Bahkan, kerajaan Malaysia telah mengambil tindakan tegas terhadap mahasiswa yang menyertai demonstrasi kerana dianggap memgugat keselamatan. *Tribune* sebagai contohnya melaporkan bahawa ratusan mahasiswa telah ditahan oleh polis ekoran daripada penglibatan mereka dalam demonstrasi Baling.³⁹ Tindakan ini diambil kerana pihak kerajaan pada ketika itu berpendapat bahawa mahasiswa tidak menghormati kerajaan dan mengambil kesempatan kepada sikap tolak ansur yang ditunjukkan sebelum ini. Menteri Pelajaran dalam penyataannya di Dewan Negara menyatakan;

Kerajaan memberi layanan kepada tunjuk perasaan dengan secara yang cukup ikhlas, dengan harapan bahawa tindakan Kerajaan itu akan memuaskan hati pelajar-pelajar dan mereka selepas daripada itu tidaklah akan mengadakan tunjuk perasaan tetapi akan berunding dengan Kerajaan tentang berbagai masaalah yang dihadapi oleh mereka. Tetapi nampaknya apabila pihak Kerajaan melayan tunjuk perasaan yang seperti ini pihak pelajar pula berpendapat bahawa Kerajaan terpaksa melayan mereka kerana takut kepada mereka, sebab itu mereka membuat tuntutan yang lebih daripada tuntutan yang pertama dan mereka tidak lagi menumpukan perhatian kepada tuntutan-tuntutan yang benar...⁴⁰

Mahasiswa juga dikenakan tindakan dengan menarik semula biasiswa mereka kerana dianggap telah mengingkari perjanjian dengan pihak kerajaan.⁴¹ Selain itu, bagi mahasiswa yang merayu supaya biasiswa mereka dikekalkan, mereka diminta untuk menulis surat tunjuk sebab yang boleh menyakinkan kerajaan bahawa mereka tidak akan melakukan tindakan yang sama pada masa hadapan. Selain itu kerajaan turut memberi ingatan berupa amaran kepada mahasiswa dengan menyatakan bahawa mahasiswa perlu sedar bahawa rakyat telah

37 Mole. R.L.1973. *Thai values and behavior patterns*. hlm. 26.

38 Penyata Rasmi Parlimen. Dewan Negara. (1975 Januari 17) Parlimen ke-4. Penggal 1. hlm. 789.

39 Zimbabwe: Smith in trouble Malaysia-Singapore Student Repression. *Tribune*. 17.12.1974. hlm. 2.

40 Penyata Rasmi Parlimen, Jilid 1, Bil 13, Dewan Negara. Parlimen ke 4, Penggal Pertama. April 17, 1975. hlm.1256-1257.

41 Penyata Rasmi Parlimen. Dewan Rakyat. (1975 April 1) Parlimen ke-4. Penggal 1. hlm. 3664.

berkorban untuk mereka dengan membayar cukai bagi menanggung mereka di universiti.⁴² Mereka juga digesa untuk memikirkan apa yang terbaik kepada mereka dari sudut ekonomi pelajaran, budaya dan susila serta akhlak kerana kerajaan berpandangan bahawa mahasiswa yang memberontak adalah pengancam kepada keharmonian negara.⁴³ Persatuan mahasiswa di Malaysia dilihat gagal memberi tekanan kepada kerajaan dalam isu sosial ini. Salah satu daripada punca kegagalan tersebut adalah disebabkan ketiadaan organisasi yang sistematik dan mereka hanya berjuang apabila wujud sesuatu isu.

Bagaimanapun situasi mahasiswa di Thailand pada tahun 1970-an jauh berbeza dengan apa yang berlaku di Malaysia. Tahun 1970-an gerakan mahasiswa Thailand mula bergerak secara lebih terorganisasi melalui persatuan *National Student Center of Thailand* (NSCT). Ahlinya terdiri dari wakil sebelas universiti di seluruh Thailand iaitu Universiti Chulalongkorn, Universiti Thammasat, Universiti Kasersart, Universiti Silpakorn, Universiti Mahidol, Universiti Chiang Mai, Universiti Konkhaen, Universiti Songkla, Prasanmitra Teachers' College, Bangsaen Teachers' College dan Patumwan Teachers' College.⁴⁴ Antara matlamat utama NSCT ialah (i) menyediakan dan menjamin kebajikan kepada mahasiswa, (ii) mewujudkan persefahaman yang baik di antara mahasiswa dengan rakyat dan (iii) memberi perkhidmatan kebajikan kepada masyarakat. Penubuhan NSCT menunjukkan gerakan mahasiswa semakin kuat dan wujudnya satu kesatuan yang berpegang kepada perinsip yang sama dalam kalangan mahasiswa universiti seluruh Thailand.

Antara tindakan utama yang dilakukan oleh NSCT adalah meningkatkan semangat 'Thainess' dalam diri masyarakat supaya mereka dapat meningkatkan kemajuan diri melalui kempen anti barangan Jepun pada 1972.⁴⁵ Peningkatan semangat 'Thainess' ini dilihat sangat penting kerana pada waktu ini barangan luar terutamanya dari Jepun menguasai pasaran sehingga menyebabkan permintaan terhadap barangan tempatan terjejas sekaligus menyebabkan taraf hidup masyarakat rendah. Melalui kempen ini sekali lagi kerajaan terpaksa akur dengan mengurangkan jumlah import barangan Jepun seterusnya menggalakkan masyarakat membeli barangan tempatan.

Isu yang membabitkan kebajikan mahasiswa juga mendapat perhatian dari NSCT. Misalnya pada tahun 1973, timbul isu penyingkiran sembilan orang mahasiswa Universiti Ramkhamhaeng berhubung isu tuduhan rasuah rektor universiti tersebut. Mahasiswa percaya rektor tersebut tidak terlibat dengan rasuah dan meminta beliau kekal sebagai rektor. Walaupun terdapat kritikan dari NSCT terhadap kerajaan, namun tuntutan mahasiswa tersebut tidak berhasil sebaliknya mereka dikenakan hukuman gantung satu semester. Selain itu NSCT juga mempersoalkan keputusan kerajaan yang memberikan kelonggaran kepada mahasiswa-mahasiswa kadet untuk memasuki universiti tanpa perlu menduduki peperiksaan.⁴⁶ Calon awam melihat ia merupakan satu tindakan atau keputusan yang tidak adil di pihak kerajaan. Namun begitu ia tidak mendapat respon dari pihak kerajaan. Selain isu sosial, tahun 1970-an ini NSCT semakin bergiat aktif dan cenderung dalam memperjuangkan hak rakyat khususnya yang berkaitan dengan isu politik.

42 Penyata Rasmi Parlimen. Dewan Negara. (1975 Januari 17) Parlimen ke-4. Penggal 1. hlm. 794.

43 Penyata Rasmi Parlimen. Dewan Negara. (1975 Februari 5) Jilid II, Bil 20.

44 Ross Prizia dan Narong Sinsawasdi. 1974. *Thailand: student activism and political change*. hlm. 29.

45 *Bangkok Post*. 18 November 1972.

46 *Bangkok Post*. 2 Julai 1973.

Kesimpulannya, mahasiswa di Malaysia berjaya mengkritik kerajaan dan membuka mata masyarakat tentang kepincangan yang berlaku dalam bidang sosial, khususnya yang berkaitan dengan masalah sosio ekonomi dan juga kepincangan dalam pentadbiran. Pengaruh mahasiswa ini agak luas dan diterima dalam kalangan masyarakat di bandar sebagaimana yang dilaporkan dalam Dewan Negara. Pelajar yang memberontak semasa peristiwa di Baling “telah masuk ke kampung berhampiran universiti” dan membawa cerita berhubung apa yang mereka saksikan di sana.⁴⁷

Namun begitu, mereka gagal membawa sebarang perubahan yang besar dan rasmi kerana kegiatan mereka telah dikekang melalui pelaksanaan undang-undang dan peraturan baru yang dikenali sebagai AUKU. Menteri Pelajaran dalam pembentangan draf undang-undang ini meminta Dewan Negara untuk menerima dan meluluskannya dengan alasan bahawa tunjuk perasaan yang berlaku ekoran daripada kebuluran yang kononnya berlaku di Baling adalah petanda wujudnya kelemahan undang-undang di Malaysia. Justeru AUKU perlu dilaksanakan untuk membendung gerakan yang bakal menggugat keharmonian dan keselamatan negara.⁴⁸

Berbeza dengan gerakan mahasiswa di Thailand, isu-isu sosial yang diutarakan dan diperjuangkan oleh kumpulan yang juga dianggap sebagai *pressure group* atau agen perubahan sosial ini berhasil mendapat perhatian dari kerajaan dan berjaya mencapai matlamatnya. Namun pada 1970-an gerakan mahasiswa di bawah NSCT dilihat semakin agresif sama ada dalam memperjuangkan isu sosial yang membabitkan kebajikan masyarakat mahupun politik. Ketika ini kerajaan yang berada di bawah Thanom Kittikachorn mula bersikap tidak ambil peduli dengan tuntutan mahasiswa malah bertindak membubarkan perlembagaan dan kerajaannya sendiri. Lantaran itu, tindakan demonstrasi mahasiswa secara besar-besaran yang berlaku pada 1973 sebagai tindak balas kepada pembubaran tersebut, sehingga berjaya menjatuhkan kerajaan tentera dilihat sebagai kemuncak kepada keberkesanan peranan mahasiswa di sebalik reformasi sosial dan politik yang berlaku di Thailand.

Kesimpulan

Gerakan mahasiswa di Malaysia dan Thailand mempunyai persamaan dari sudut matlamat dan tindakan mereka iaitu memperjuangkan keadilan sosial bagi golongan miskin. Pendekatan yang digunakan untuk memberikan tekanan kepada pihak kerajaan juga tidak mempunyai banyak perbezaan. Namun begitu, kesan daripada gerakan mahasiswa di Malaysia dan Thailand kepada kerajaan masing-masing mempunyai natijah yang tidak sama. Mahasiswa di Malaysia disekat melalui pelaksanaan AUKU manakala di Thailand gerakan mahasiswa dilihat bergerak dengan lebih baik terutamanya tahun 1970-an, di bawah NSCT perjuangan mereka dapat dilaksanakan secara lebih tersusun.

47 Penyata Rasmi Parlimen. Dewan Negara. (1975 April 17) Parlimen ke-4. Penggal 1 Jilid 1 Bil. 13. hlm.1257.

48 *Ibid.*

Rujukan

- A.M. Iskandar. 1973. *Persuratkhabaran Melayu 1876-1968*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Adnan Nawang. 2007. *Za'ba dan Melayu*. Tanjong Malim: Penerbit Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Ahmad Idris. 1988. *Dasar Ekonomi Baru*. Petaling Jaya. IBS Buku Sdn. Bhd.
- Ball. R. Alan. 1993. *Politik kerajaan moden*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Bangkok Post*. 18 November. 1972.
- Bangkok Post*. 2 Julai 1973.
- Chris Baker dan Pasuk Phongpaichit. 2005. *A history of Thailand*. New York: Cambridge University Press.
- Farish Noor. 2014. *The Malaysian Islamic Party PAS 1951-2013: Islamism in a Mottled Nation*. Amsterdam: Amsterdam University Press.
- Fred R Von der Mehden. 1993. *Two World of Islam: Interaction between Southeast Asia and the Middle East*. Florida: Florida University Press.
- Hasan Karim. 1984. The Student Movement in Malaysia. Dlm Hasan Karim & Siti Nor Hamid *with the people The Malaysian student Movement 1967-1974*. Malaysia: Intitut Analisa Sosial Malaysia.
- Hashim Ismail. 2007. Sejarah Penulisan Novel di Malaysia: Isu dan Cabaran. *Jurnal Pengajian Melayu*, 18, hlm. 25-40.
- Haynes, Jeffrey. 2001. *Democracy and political change in the "Third World"*. London: Routledge.
- Laporan dari Jabatan Institut Penyelidikan Universiti Chulalongkorn Thailand. 1977
- Md. Atan bin Bulat. 1957. Peranan Guru2 Melayu dalam perjuangan Menchipta kemerdekaan Tanah Ayer. Dlm. *Bingkisan Merdeka Kesatuan Guru-guru Melayu* Selangor.
- Meredith L. Wiess. *Student Activism in Malaysia Cricible, Mirror Sideshow*. Itacha: Cornell University. 2011.
- Mohamad Faisal Ashaari, Mohamad Hasan Sharafi & Che Mohad Adli. 2019. Kecenderungan Kebebasan Berfikir Mahasiswa Melayu Muslim Malaysia dekad 1970-an. *International Journal of Islamic Thought*. 15, 93-106
- Mohamed Redzuan Othman. 2005. Islam dan masyarakat Melayu: peranan dan pengaruh Timur Tengah. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya
- Mole. R.L.1973. Thai values and behavior patterns. Rutland: Vermont Charles E. Tuttle.
- Penyata Rasmi Parlimen*, Jilid 1, Bil 13, Dewan Negara. Parlimen ke 4, Penggal Pertama. April 17, 1975.
- Penyata Rasmi Parlimen*. Dewan Negara. (1973 Febuari 14) Parlimen ke-3. Penggal 2.
- Penyata Rasmi Parlimen*. Dewan Negara. (1975 April 17) Parlimen ke-4. Penggal 1 Jilid 1 Bil. 13.
- Penyata Rasmi Parlimen*. Dewan Negara. (1975 Februari 5) Jilid II, Bil 20.
- Penyata Rasmi Parlimen*. Dewan Negara. (1975 Januari 17) Parlimen ke-4. Penggal 1.
- Penyata Rasmi Parlimen*. Dewan Rakyat. (1975 April 1) Parlimen ke-4. Penggal 1.
- Penyata Rasmi Parlimen*. Dewan Rakyat. (1975 April 1) Parlimen ke-4. Penggal 1.
- Ross Prizia dan Narong Sinsawasdi. 1974. *Thailand: student activism and political change*. Bangkok: Bangkok Allied Printers.
- Rueng Suksawat. 1995. 'Behind the Thai NGOs' dlm Jaturong Boonyarattanasoontorn dan Gawin Chutima (pnytg). Bangkok: Thai NGO Support Project (TNSP).
- Saifudin Abdullah. 2009. *Kalau Saya Mahasiswa*. [ebook] [http:// www. Saifuddin abdullah. com.my/ ebook / kalau saya mahasiswa 2](http://www.Saifuddinabdullah.com.my/ebook/kalau_saya_mahasiswa_2).
- Shinichi Shigetomi, Kasian Tejapira, Apicart Thongyou (pnytg). 2004. *The NGO way: perspectives and experiences from Thailand*. Jepun: Institute of Developing Economies Japan External Trade Organization.
- Suthy Prasartset. 1995. 'The rise of NGOs as critical social movement in Thailand' dlm Jaturong Boonyarattanasoontorn dan Gawin Chutima (pnytg). Bangkok: Thai NGO support project (TNSP).
- Syed Naquib Al-Attas. 1963. Some Aspects of sufism as understood and practices among Malays. Singapura: Malayan ISociological Research Insitute.

PERANAN MAHASISWA DI SEBALIK REFORMASI SOSIAL:
SATU PERBANDINGAN ANTARA MALAYSIA DENGAN THAILAND DEKAD 1970-AN.

Tribune. 17 Disember 1974.

Tribune. 11 Disember 1973.

Unit Perancangan Ekonomi Jabatan Perdana Menteri. 1970. *Rancangan Malaysia Kedua*, Bab XIV. [https://www.epu.gov.my/sites/default/files/2020-03/rancangan%20malaysia % 20kedua %20-%20chapter%2014.pdf](https://www.epu.gov.my/sites/default/files/2020-03/rancangan%20malaysia%20kedua%20-%20chapter%2014.pdf).

W.R.Roff. 2003. *Nasionalisme Melayu*. Ahmad Boestamam (terj). Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.

Yuanrat (Pattanapongse) Wedel. 1982. *Modern Thai radical thought: the Siamization of Marxism and its Theoretical Problems*. Bangkok: Thai Khadi Research Institute. Thammasat University. hlm. 96-102.